

## **SIDANG DEWAN NEGERI: KERAJAAN PAHANG SEDIA FASILITI MENCUKUPI BAGI PEMBERIAN SUNTIKAN VAKSIN COVID-19**

**KUANTAN, 24 OGOS 2021** : Kerajaan Pahang telah menyediakan fasiliti mencukupi bagi pemberian suntikan vaksinasi COVID-19 kepada rakyat di negeri ini meliputi seluruh daerah di Pahang.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Norolazali Sulaiman berkata ini termasuklah pusat pemberian vaksin (PPV) awam dan juga PPV Bergerak.

“Di Pahang, kita telah menyediakan semua fasiliti sama ada PPV awam iaitu klinik kesihatan, dewan, dan hospital, sampailah ke PPV mobile di semua daerah.

“Tapi masalah besar yang kita hadapi adalah jumlah kesampaian vaksin daripada Kerajaan Pusat ke negeri Pahang yang rendah,” katanya ketika menjawab soalan daripada Ahli Dewan Negeri (ADN) Cheka, YB. Encik Lee Ah Wong pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Sidang Dewan Negeri Pahang Ke-14 di Wisma Sri Pahang di sini hari ini.

Menurut beliau lagi, sekiranya bekalan vaksin sampai seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan Pusat pada pertengahan Oktober ini, kesemua rakyat di negeri ini yang perlu divaksinakan akan diberi suntikan berkenaan.

ADN Cheka sebelum itu menyentuh mengenai kemajuan vaksinasi di negeri ini yang belum mencapai kapasiti dan kelajuan yang diharapkan dan mencadangkan Kerajaan Pahang menggerakkan PPV Bergerak serta penyertaan klinik swasta bagi pemberian suntikan vaksinasi COVID-19.

YB. Encik Lee Ah Wong juga mencadangkan supaya Kerajaan Pahang menggunakan tindakan berani dan tegas dalam memastikan rakyat di negeri ini menerima suntikan vaksin.

“Saya yakin Kerajaan Negeri masih akan meneruskan kempen pujuk rayu dan promosi vaksin, tetapi apabila semua pendekatan lemah lembut sudah menemui jalan buntu, maka tindakan berani dan tegas perlu difikirkan.

“Misalnya dengan mengenakan sekatan kepada mereka yang enggan divaksin atau mengenakan syarat kepada mereka yang memohon atau memoerbaharui bantuan kebajikan daripada Kerajaan Negeri kecuali mereka yang mendapat pengecualian bertulis daripada pakar perubatan,” katanya. - **PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang**  
**#Pahang1st**  
**#KerajaanNegeriPahang**  
**#UKOMP**

**Oleh : Ain Nadhirah Basha**

**Foto : Muhammad Muslimi Abd Rahim**

